



**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 TUJUAN	3
2.0 LATAR BELAKANG	3
3.0 TAKRIFAN DAN KLASIFIKASI	5
3.1 Takrifan	5
3.2 Klasifikasi	6
4.0 PERANAN TEMPAT IBADAT ISLAM	7
4.1 Peranan dan Fungsi Masjid/Surau	8
4.2 Komponen Ruang Tempat Ibadat	11
4.3 Keperluan Ruang Mengikut Fungsi Tempat Ibadat	11
5.0 PRINSIP PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM	9
6.0 PANDUAN UMUM	
6.1 Perancangan Tempat Ibadat	17
6.2 Hirarki Tempat Ibadat Islam	17
6.3 Konsep Susunatur Penggunaan Ruang Masjid	18
6.4 Lokasi	20
6.5 Rekabentuk Luaran	21
6.6 Gunatanah Persekutuan	23
7.0 GARIS PANDUAN KHUSUS	23
7.1 Perancangan Bagi Masjid Negara, Masjid Negeri dan Masjid Daerah/Jajahan	23
7.2 Perancangan Bagi Masjid Jamek	24
7.3 Perancangan Bagi Surau/Madrasah/Musalla	25
7.4 Perancangan Bagi Bilik atau Ruang Sembahyang	25
8.0 PIAWAIAN PERANCANGAN	27
8.1 Nisbah Kepadatan	27
8.2 Keperluan Ruang dan Anjakan Bangunan	27





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Senarai Jadual	
Jadual 1 : Peranan Masjid Dahulu dan Sekarang	9
Jadual 2 : Peranan dan Fungsi Tempat Ibadat – Kaitannya Dengan Keperluan Ruang	12
Jadual 3 : Keperluan Ruang Tempat Ibadat Mengikut Jenis Kemudahan	14
Jadual 4 : Hirarki Tempat Ibadat Islam Disesuaikan Mengikut Hirarki Petempatan	18
Senarai Rajah	
Rajah 1 : Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat	4
Rajah 2 : Konsep Perhubungan Ruang Masjid Masa Hadapan	19
Rajah 3 : Lokasi Masjid	20
Rajah 4 : Keratan Rentas Susunatur Masjid	22





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju di dalam merancang dan menyediakan syarat-syarat Piawaian Perancangan Tempat Ibadat Islam.

2.0 LATAR BELAKANG

Agama Islam adalah agama rasmi negara sebagaimana Artikel 3(1) Perlembagaan Negara menyebut '*Islam is the religion of the federation; but other religion may be practiced...in the federation*'¹. Pada amnya hal ehwal berkaitan agama Islam di negeri-negeri adalah di bawah bidang kuasa Sultan atau Yang DiPertua Negeri dan Yang DiPertuan Agong pula merupakan Ketua Agama Islam di peringkat Persekutuan.

Jumlah penduduk beragama Islam di Malaysia yang meliputi sebahagian besar kumpulan etnik Melayu dan beberapa kumpulan kecil India Muslim, Kadazan dan lain-lain telah meningkat dari 5,929,000² orang pada tahun 1976 kepada hampir 10 juta orang pada tahun 1991 iaitu pertambahan kira-kira 4.9% setahun. Pertambahan ini perlu selaras dengan penyediaan kemudahan tempat ibadat.

Abad ke 21 merupakan abad yang penuh cabaran di mana ianya merupakan kehidupan abad maklumat dan teknologi tinggi berdasarkan kekuatan ekonomi, pengetahuan dan minda. Di samping itu, pembangunan sosial, kerohanian dan moral mestilah seiring di mana ilmu agama seharusnya mengatasi ilmu teknologi.

Berdasarkan fakta-fakta tersebut penyediaan tempat ibadat Islam di negara kita perlu dikaji semula supaya penyediaannya mencukupi dan dapat mempertingkatkan lagi peranan dan fungsi kemudahan tersebut. Penyediaan kemudahan tempat ibadat bukan hanya menyediakan ruang sebagai tempat sembahyang tetapi lebih meluas lagi selaras dengan usaha-usaha kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020 dalam **membentuk masyarakat madani iaitu masyarakat yang bertamadun tanpa mengabaikan nilai akhlak dan moral yang tinggi**.

¹ Hussin Mutalib (1990), Islam and Ethnicity in Malay Politics. Oxford University Press, Singapore m.s 23-24

² The World Muslim Gazetter (Karachi: Umrah Publisher 1976)





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

Perancangan tempat ibadat Islam perlulah selaras dengan Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat yang menekankan 3 hubungan iaitu; hubungan manusia dengan dengan Pencipta, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam sekitar. (Lihat rajah 1)

Rajah 1 : Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

3.0 TAKRIFAN DAN KLASIFIKASI

3.1 Takrifan

Tempat ibadat Islam merupakan tempat yang suci bagi orang Islam untuk mengerjakan ibadat solat dan juga menjadi pusat kegiatan masyarakat Islam yang dikenali sebagai Masjid, Masjid Jamek, Surau, Madrasah, Musalla, Bilik Sembahyang, Pusat Islam, Pusat Dakwah dan Pondok.

Mengikut istilah *syarak*, masjid juga disebut sebagai Rumah Allah iaitu tempat paling SUCI yang wajib dipelihara dan dimakmurkan serta menyemarakkan fungsinya oleh setiap umat Islam pada bila-bila masa.

Definisi tempat-tempat ibadat Islam adalah seperti berikut:

- (i) Masjid
 - Masjid berasal dari perkataan arab bermaksud *masjid* atau *sajd* yang merujuk kepada bersujud atau merendahkan diri semasa bersembahyang.
 - Masjid didefinisikan sebagai bangunan khas tempat orang Islam beribadat dan pusat aktiviti kemasyarakatan.
- (ii) Masjid Jamek
 - Dinamakan Masjid Jamek kerana sembahyang Jumaat diadakan dengan bilangan *jemaah* yang ramai atau merupakan masjid utama dan boleh menampung pelbagai aktiviti.
- (iii) Surau
 - Surau merupakan tempat beribadat iaitu sembahyang, belajar agama dan lain-lain atau dipanggil madrasah.
- (iv) Madrasah
 - Dirujuk sebagai tempat belajar terutamanya berkaitan agama (mempelajari *Al-Quran*, *hadis* dan *syariah* dan sebagainya). Ianya menyediakan tempat tinggal pelajar dan pengajar dan berfungsi sebagai salah satu institusi pendidikan.
 - Madrasah dipanggil juga sebagai '*monastic mosques*'.





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

- | | |
|-----------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (v) Musalla | <ul style="list-style-type: none">• Merupakan salah satu jenis masjid yang digunakan hanya untuk tempat bersembahyang sahaja. |
| (iv) Bilik Sembahyang | <ul style="list-style-type: none">• Ruang tempat sembahyang berbentuk bilik kecil yang terdapat dalam bangunan tempat-tempat tumpuan. |
| (vii) Pusat Islam /Balai Islam / Pusat Dakwah | <ul style="list-style-type: none">• Tempat kegiatan Islam peringkat negeri atau negara yang biasanya menempatkan bangunan pentadbiran Islam atau Pejabat Agama, Majlis Agama Islam Negeri, Dewan Orang Ramai/ Tempat perjumpaan, Pusat Kutipan Zakat, Dewan Pameran dan sebagainya. |
| (viii) Pondok | <ul style="list-style-type: none">• Pondok ialah satu institusi pendidikan Agama Islam yang berasrama. Tempat pengajian Islam yang mempunyai kemudahan tempat sembahyang (madrasah), tempat tinggal pelajar dan pengajar. |

3.2 Klasifikasi

Walaupun terdapat sekurang-kurangnya lima nama atas panggilan bagi tempat ibadat Islam tetapi dari segi peranan dan fungsi masing-masing boleh dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu;

- i. Masjid
 - Masjid Negara
 - Masjid Negeri
 - Masjid Daerah/ Jajahan
 - Masjid Mukim/ Kampung/ Bandar
- ii. Surau
 - Masjid Jemaah
 - Surau
 - Madrasah
 - Musalla
 - Bilik Sembahyang/ Solat





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

Pondok pula dikelaskan sebagai kemudahan pendidikan agama dan merupakan salah satu warisan sejarah institusi pengajian agama yang banyak terdapat di negeri-negeri Pantai Timur dan Utara Semenanjung.

Tempat ibadat Islam yang terdapat di negara tempat kelahiran Agama Islam iaitu di Negara Arab atau Timur Tengah dikenali sebagai;

i. Masjid Suci (*Sacred Mosque*)

Meliputi 3 jenis Masjid iaitu Al Masjid Al-Haram di Mekah, Masjid Nabi di Madinah dan Masjid Al-Aqsa di Palestin³.

ii. Masjid Sejarah (*Memorial Mosque*)

Masjid-masjid yang didirikan oleh orang Islam di zaman Nabi Muhammad s.a.w dan dikaitkan dengan peristiwa bersejarah dan kekal sehingga ke hari ini serta menjadi salah satu tempat tarikan pelancong. Di antaranya ialah Masjid Quba, Masjid Qiblatain, Masjid Al-Fardeih, Masjid Dhirar, Masjid Saidina Hamzah, Masjid Salma Al-Farisi, Masjid Saidina Ali dan sebagainya⁴.

4.0 PERANAN TEMPAT IBADAT ISLAM

Mengikut As-Syeikh Ali Al-Than'tawi dalam kitabnya telah menyebut 5 peranan penting yang dimainkan oleh masjid iaitu⁵;

- i. Sebagai **tempat ibadat** iaitu bukan sahaja untuk sembahyang fardhu dan sunat tetapi untuk berdampingan dengan Allah SWT melalui Tasbih, zikir dan majlis Ilmu.
- ii. Sebagai **pusat pendidikan dan ilmu** iaitu program tersusun dalam bentuk ilmu dan pendidikan untuk semua peringkat termasuk aktiviti sosial seperti program maulud, korban, ziarah dan sebagainya.
- iii. Sebagai **tempat syura** masyarakat setempat.

³ Masjid ini telah disebut oleh Allah SWT dalam Al-Quran, Surah A-Baqarah-2, ayat 144 dan 149 berkenaan Masjid Al-Haram dan Surah Al- Israa' – 17, ayat 1

⁴ Di antar Masjid-masjid bersejarah yang terdapat di Madinah

⁵ Taib A zamuddien Md. Taib, ibid., m.s 16-17





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

- d) Sebagai ‘rumah taqwa’ iaitu mewujudkan suasana damai dengan landskap yang indah, bersih dan boleh merehatkan.
- e) Sebagai **tempat pertemuan harian** untuk masyarakat setempat menjalankan usaha-usaha kebajikan termasuk bantuan kecemasan, tempat sumber maklumat Islam dan lain-lain.

4.1 Peranan dan Fungsi Masjid/ Surau

i. Tempat Ibadat

Islam meletakkan **tempat ibadat** sebagai ciri penting sesebuah bandar atau petempatan. Masjid ini adalah simbol melambangkan kekuatan akidah penganut Islam. Masjid Nabawi yang didirikan di Madinah telah digunakan **sebagai pusat tarbiyah dan pentadbiran** dalam menyusun strategi ekonomi, peradaban perang dan sebagainya⁶. Selain **tempat beribadat**, masjid juga digunakan sebagai **pusat sivik, pusat pentadbiran, pusat pendidikan dan pusat perancangan strategi peperangan**⁷. Oleh itu tiada suatu ruang dalam sistem perancangan Islam yang lebih penting dan begitu ketara seperti masjid. Sehingga ke hari ini kehadiran sesuatu komuniti Islam terus diketahui apabila terdapat masjid.

Perhimpunan secara berjemaah lima kali sehari semalam dan perjumpaan mingguan hari Jumaat sekali seminggu yang disertai dengan khutbah merupakan perhimpunan yang bererti dalam meletakkan asas segala pekerjaan berhubung dengan hidup dan kehidupan. Masjid selain merupakan tempat sujud kepada Allah ianya digunakan sebagai saranan pembina bangsa (*nation building*) bagi umat Islam, sebagai pengkalan **bagi mengukuhkan kesatuan dan perpaduan umat Islam**⁸ (Rujuk Jadual 1).

⁷ Manja Mohd Ludin dan Ahmad Suhaimi Hj Mohd Nor (1995), Aspek-aspek kesenian Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka, KL m.s. 26

⁸ Amer Saifude Ghazali, Pembangunan Perbandaran Daripada Perspektif Islam, Tamadun (Mei 1996) m.s. 14-19

⁹ Akmal Hj. Mohd Zain; **Manfaatkan Masjid Untuk Perpaduan**, Dakwah (Dec 1984), m.s. 14-15





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

Jadual 1: Peranan Masjid Dahulu dan Sekarang

- Sebagai ungkapan ketaqwaan serta melambangkan kebesaran Allah SWT.
- Tempat sujud dalam ibadat khusus dan juga tempat sujud dalam kehidupan.
- Tempat mendekatkan diri individu Islam dengan Penciptanya.
- Tempat berkumpul mendirikan solat fardhu 5 waktu sehari semalam.
- Tempat mendirikan solat Jumaat yang merupakan perhimpunan sekali seminggu.
- Tempat khusus untuk berdoa dan i'ktikaf.
- Tempat mendirikan solat Tarawih di sepanjang bulan Ramadhan.
- Tempat Rasulullah menerima wahyu dari Allah SWT melalui malaikat Jibril.
- Tempat menyampaikan maklumat berhubung dengan urusan kemasyarakatan.
- Tempat memberi dan menerima *ad-din* atau ceramah agama.
- Sebagai perpustakaan, pusat terkumpul kitab dan buku-buku mengenai agama.
- Tempat pengajaran atau pendidikan Islam dan pengembangan ilmu.
- Sebagai pusat kesihatan; merawat sahabat yang cedera dalam peperangan di zaman Rasulullah.
- Tempat *bait al-mal* dan pengumpulan zakat.
- Tempat membahaskan soal keadilan dan hukum di zaman Rasulullah.
- Tempat menyelesaikan persoalan masyarakat dan negara di zaman Rasulullah.
- Tempat persidangan negara di zaman pemerintahan Khalifah Omar.
- Tempat pentadbiran pemerintahan di zaman Khalifah Abu Bakar.
- Tempat mengatur strategi peperangan di zaman Rasulullah dan para sahabat.





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

- Tempat upacara pernikahan dan menyelesaikan masalah berhubung kekeluargaan.
- Tempat sembahyang jenazah.
- Tempat penginapan bagi yang musafir.
- Pusat ibadat dan kebudayaan Islam.
- Sebagai penutup setiap urusan kehidupan sebagaimana diamalkan oleh Rasulullah yang sentiasa mengunjungi masjid dan solat 2 rakaat kemudian baginda duduk di dalamnya.

Sumber: Manja Mohd Ludin dan Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor (1995)

ii. Tempat Perjumpaan dan Pertemuan

Pembinaan masjid ini juga, bukan sahaja untuk kegunaan sembahyang tetapi meliputi sebagai balai raya tempat perjumpaan, pertemuan atau perbincangan masalah-masalah yang berbangkit di kalangan umat Islam. Di sinilah mereka menunaikan sembahyang, belajar, berbicara, bermesyuarat, berjual beli dan sebagainya yang boleh menggalakkan dan mengeratkan persaudaraan. Oleh itu, masjid bukan sahaja tempat sembahyang *berjemaah* tetapi adalah tempat pembinaan *Jemaah* dan sebagai salah satu institusi pembangunan negara.

iii. Pusat aktiviti Keilmuan dan Pendidikan

Dalam tradisi Islam, masjid juga berperanan sebagai pusat aktiviti keilmuan dan pendidikan yang penting. Kesemua aktiviti kemasyarakatan dijalankan di masjid dan yang paling penting sekali ialah dalam aktiviti pendidikan dan keilmuan yang meliputi aspek kerohanian dan fizikal.

iv Pusat pengembangan ilmu dan seni

Peranan dan fungsi masjid dapat dioptimum dan diperluaskan lagi sehingga menjadi pusat pengembangan ilmu, pusat komputer yang menyediakan maklumat Islam, tempat mengulangkaji pelajaran, tempat pameran dan juga disediakan gelanggang permainan.

Oleh itu masjid merupakan institusi dan ruang terpenting untuk mewujudkan suatu ummah yang berdisiplin. Selain daripada solat Jemaah, masjid juga boleh berfungsi **sebagai pusat pendidikan, maklumat, penerangan, kebajikan, pemulihan akhlak, pengembangan seni** dan lain-lain aktiviti yang saling memperkuuh dan meningkatkan *ummah*.





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

4.2 Komponen Ruang Tempat Ibadat Islam

Pada umumnya terdapat dua komponen utama penggunaan ruang bagi tapak kemudahan tempat ibadat Islam iaitu meliputi ruang kawasan bangunan/ tepubina dan ruang kawasan lapang di sekeliling bangunan.

Ruang kawasan bangunan atau tepubina biasanya meliputi komponen seperti *mihrab*⁹, ruang bangunan utama meliputi ruang *mimbar*¹⁰ dan ruang sembahyang, ruang pelbagai, menara atau minaret, anjung, tempat mengambil wuduk dan tandas. Ruang tanah lapang di sekeliling bangunan pula meliputi kawasan hijau/ landskap, tempat rehat dan tempat letak kenderaan.

4.3 Keperluan Ruang Mengikut Fungsi Tempat Ibadat

Peranan dan fungsi tempat ibadat dalam konteks ruang menunjukkan terdapatnya ciri-ciri penggabungan aktiviti. Penggabungan aktiviti boleh menjimatkan penggunaan ruang di dalam sesuatu kawasan petempatan khususnya di kawasan perbandaran di mana bekalan tanah adalah terhad. Dengan ini penggunaan tanah bagi sesuatu kawasan akan dapat dioptimumkan dan diintegrasikan dalam satu ruang aktiviti iaitu masjid.

Berpandukan kepada peranan dan fungsi masjid dan surau yang ditetapkan. Keperluan ruang dalam sesebuah masjid dan surau adalah seperti dalam Jadual 2 dan 3.

5.0 PRINSIP PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM

Perancangan tempat ibadat Islam adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip utama perancangan seperti berikut:

Ihsan

- Melahirkan insan yang sentiasa mengingati kewujudan Pencipta dengan menjadikan masjid sebagai elemen terpenting di dalam perancangan bandar iaitu sebagai pusat atau tempat tumpuan utama segala kegiatan ibadat dan kemasyarakatan.
- Memastikan reka bentuk masjid indah bertepatan dengan ciri-ciri ketuhanan.

⁹ Mihrab didefinisikan sebagai anjung masjid (surau, langgar dll) yang menganjur ke arah kiblat iaitu tempat imam memimpin sembahyang. Kamus Dewan DBP, K.L.

¹⁰ Mimbar didefinisikan sebagai pentas atau panggung di dalam masjid tempat berkutbah, podium. Kamus Dewan DBP, K.L.



**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

Perpaduan

- Mewujudkan semangat perpaduan dengan memastikan lokasi dan perletakan sesebuah masjid yang lebih strategik, mudah dan selamat dikunjungi.
- Masjid hendaklah dimakmurkan sebagai simbol penyatuan masyarakat dan pembentukan masyarakat sejagat yang bersatu-padu.

Berilmu

- Masjid sebagai pusat aktiviti ibadat/menimba ilmu lengkap dengan kemudahan bagi meningkatkan kesedaran, kefahaman dan kecemerlangan ilmu Islam seperti ruang perpustakaan/ pusat sumber, bilik bacaan, kaunseling dan pelbagai aktiviti yang tidak bercanggah dengan syariat.

Jadual 2 : Peranan dan Fungsi tempat Ibadat-Kaitannya dengan Keperluan Ruang

Peranan dan Fungsi	Keperluan Ruang
a.Sebagai tempat sembahyang berjemaah	<ul style="list-style-type: none">• Ruang ibadat (solat Jumaat, Solat Fardhu dan Sunat)• Ruang mengambil wuduk• Rumah atau bilik Imam dan Bilal
b.Sebagai sebuah institusi, pengajian keagamaan dan pusat sumber	<ul style="list-style-type: none">• Ruang mengaji Al-Quran• Tempat mengajar/ceramah agama• Perpustakaan/pusat sumber sebagai rujukan atau kajian dalam hal-hal berkaitan• Ruang bacaan terbuka• Tadika/Sekolah Agama• Tempat sumber maklumat Islam





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

Peranan dan Fungsi	Keperluan Ruang
c. Sebagai pusat kegiatan masyarakat, perjumpaan harian dan pusat pengumpulan	<ul style="list-style-type: none">• Tempat perjumpaan/pengurusan kegiatan masyarakat• Tempat perayaan hari kebesaran Islam seperti Maulid Rasul, Israk Mikraj, Sembahyang Hari Raya Puasa dan Haji dan sebagainya• Tempat bermesyuarat dan pengumuman• Tempat perjumpaan kumpulan seperti akad nikah• Tempat masyarakat setempat membuat usaha-usaha kebajikan seperti bantuan kecemasan atau malapetaka• Bilik utiliti dan stor menyimpan barang
d. Sebagai destinasi perhentian dan istirehat	<ul style="list-style-type: none">• Keperluan tandas awam, bilik mandi dan bilik persalinan berasingan• Tempat rehat bagi pengunjung yang musafir• Pusat jualan ringan seperti gerai/tempat jualan peralatan keagamaan• Ruang tempat letak kenderaan• Laluan pejalan kaki
e. Sebagai taman landskap	<ul style="list-style-type: none">• Penyediaan taman mini dan pondok-pondok rehat• Bangku-bangku tempat duduk• Tanaman pokok-pokok hiasan• Kawasan lapang untuk pembesaran masa hadapan
f. Sebagai tempat tarikan pelancongan	<ul style="list-style-type: none">• Muzium kecil• Dewan pameran awam• Rekabentuk bangunan/landskap unit berciri senibina Islam yang tulin

Sumber: Kajian bersama JPBD Kelantan dan Pejabat Projek Unit Rancangan Pembangunan Negeri Kelantan



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN
Unit Penyelarasaran Dasar



**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

Jadual 3: Keperluan Ruang Tempat Ibadat Mengikut Jenis Kemudahan

Penggunaan Ruang	Masjid Negara	Masjid Negeri	Masjid Daerah/Jajahan	Masjid Mukmin/Taman Perumahan/Kampung	Masjid Komuniti (Surau/Madrasah/Musalla)
- Mihrab dan Ruang Sembahyang	*	*	*	*	*
- Bilik persalinan, bilik mandi dan tandas	*	*	*	*	*
- Ruang mengambil wuduk	*	*	*	*	*
- Pejabat Imam dan Bilal	*	*	*	*	*
- Tempat Letak Kereta/Motosikal	*	*	*	*	*
- Kediaman Imam dan Bilal	*	*	*	*	-
- Ruang khusus pungutan zakat dan sebagainya	*	*	*	*	-
- Bilik Mesyuarat/Dewan	*	*	*	*	-
- Pusat Sumber/Perpustakaan Mini	*	*	*	*	*
- Bilik Bacaan/rujukan audio-visual dan kaunseling	*	*	*	*	-





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

Penggunaan Ruang	Masjid Negara	Masjid Negeri	Masjid Daerah/Jajahan	Masjid Mukmin/Taman Perumahan/Kampung	Masjid Komuniti (Surau/Madrasah/Musalla)
-Bilik Tetamu dan Asrama	*	*	*	-	-
-Ruang Gerai/Jualan Ringan	*	*	*	-	-
-Taman Mini Lanskap	*	*	*	*	-
-Telefon Awam	*	*	*	*	*
-Pejabat/Stor	*	*	*	*	*
-Tadika Islam	*	*	*	*	-
-Sekolah Ugama	*	*	*	*	-
-Makam Khas	*	-	-	-	-
- Dewan Pameran Awam	*	*	*	-	-
- Kawasan perkuburan	-	-	-	-	-

Sumber : Kajian bersama JPBD Kelantan dan Pejabat Projek Unit Rancangan Pembangunan Negeri Kelantan

Hak Individu dan Masyarakat

- Perancangan dan reka bentuk masjid yang mengambilkira ciri-ciri kesejahteraan, keselesaan dan kesendirian serta bersesuaian dengan keperluan seluruh anggota masyarakat.
- Memastikan perancangan dan persekitaran masjid mewujudkan suasana harmonis dengan alam sekitar.





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

Kemesraan

- Masjid merupakan satu elemen utama bandar yang menonjol imej tersendiri yang unik sebagai tempat perjumpaan/ berjemaah.

Keprihatinan

- Perancangan masjid hendaklah mempunyai ciri-ciri berterusan penyayang, seimbang, kaya dan berkualiti.

Bersih

- Reka bentuk masjid hendaklah mementingkan nilai-nilai estetika, pemandangan ceria, sihat dan bersih.

Indah

- Penghijauan, bandar air dan ciri-ciri keindahan perlu menjadi konsep asas perancangan tempat ibadat Islam yang indah dan menarik.

Pemuliharaan

- Pemuliharaan tempat ibadat Islam yang mempunyai senibina yang menarik dan bersejarah perlu diberi perhatian untuk pemuliharaan.





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

6.0 GARIS PANDUAN UMUM

Garis panduan umum meliputi perancangan tempat ibadat, hirarki, lokasi, perletakan, gunatanah, persekitaran, rekabentuk luaran dan penggunaan ruang.

6.1 Perancangan Tempat Ibadat

Kriteria utama perancangan tempat ibadat adalah bergantung kepada jumlah jemaah bermukim yang ada di satu kawasan iaitu 40 orang penduduk lelaki dewasa atau keluarga Muslim. Bagi kawasan yang sudah mempunyai masjid, pembinaan masjid baru tidak digalakkan, memadai dengan memperluaskan lagi bangunan atau kawasan masjid sedia ada supaya dapat menampung pertambahan jemaah, manakala bagi kawasan baru seperti pembangunan bandar baru atau kawasan institusi, sebuah masjid perlu dibina walaupun tidak mempunyai jumlah penduduk bermukim yang mencukupi untuk menampung sesebuah masjid.

6.2 Hirarki Tempat Ibadat Islam

Tempat ibadat Islam di Malaysia boleh diklasifikasikan mengikut hirarki yang berdasarkan kepada sempadan pentadbiran di mana setiap hirarki mempunyai fungsi dan peranannya yang tersendiri di samping fungsi utamanya sebagai tempat beribadat. Ini bermakna setia hirarki memerlukan penekanan yang berbeza dan mengikut peringkat sama ada nasional, negeri, daerah atau mukim. Di samping itu, kemudahan yang disediakan seharusnya mampu mewujudkan suasana yang diperlukan oleh pengunjung dan selari dengan hirarki masjid berkenaan.

Oleh itu dalam konteks negara kita, hirarki tempat ibadat Islam, boleh dibahagikan kepada 7 peringkat seperti berikut:

- i. Masjid Negara
- ii. Masjid Negeri
- iii. Masjid Daerah/Jajahan
- iv. Masjid Mukim/Bandar/Kampung
- v. Surau/Madrasah/Musalla
- vi. Bilik Sembahyang
- vii. Di mana-mana tempat yang bersih





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

Hirarki tempat ibadat Islam mengikut peringkat dan perletakannya yang disesuaikan dengan sistem hirarki perbandaran/ petempatan dapat dilihat pada Jadual 4. Pada umumnya terdapat perkaitan yang rapat di antara hirarki tempat ibadat Islam dengan hirarki pusat petempatan yang terdapat di negara ini.

Jadual 4 : Hirarki Tempat Ibadat Islam Disesuaikan Mengikut Hirarki Petempatan

Jenis Kemudahan Ibadat	Peringkat	Hirarki Petempatan
1. Masjid Negara	Peringkat Negara	<ul style="list-style-type: none">• Pusat Utama/Ibu Negara
2. Masjid Negeri	Peringkat Negeri	<ul style="list-style-type: none">• Pusat Wilayah Negara• Pusat Wilayah Negeri/Ibu Negeri
3. Masjid Daerah/Jajahan	Peringkat Daerah/Jajahan	<ul style="list-style-type: none">• Pusat Separa Wilayah Negeri• Pusat Tempatan Utama
4. Masjid/Mukim/Bandar/Kampung	Peringkat Mukim/Kampung/Bandar/Petempatan	<ul style="list-style-type: none">• Pusat Tempatan Utama• Pusat Pertumbuhan Desa• Kampung/Kawasan Perumahan/Kejiran/Kelab

Sumber: Kajian bersama JPBD Negeri Kelantan dan Pejabat Projek Unit Rancangan Pembangunan Negeri Kelantan

6.3 Konsep Susunatur Penggunaan Ruang Masjid

Konsep susunatur ruang masjid menunjukkan integrasi penggunaan ruang dan penggunaan tanah yang optimum (Lihat rajah 2). Konsep ini adalah selari dengan peranan






**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

Rajah 2: Konsep Perhubungan Ruang Masjid

QIBLAT



Sumber : Dr. Mohammad Tajuddin Rasdi (1996). *The Eternal Idea of A Mosque As A Community Development Centre*



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN
Unit Penyelarasaran Dasar



**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**


dan fungsi masjid dalam usaha untuk menaiktaraf kemudahan sedia ada serta memakmurkan masjid selaras dengan tuntutan agama.

Konsep masjid dan surau hendaklah digabungkan dengan aktiviti gunatanah perniagaan dan institusi pendidikan. Penggabungan dalam satu ruang gunatanah bukan sahaja dapat menjimatkan penggunaan tanah tetapi juga dapat meningkatkan tahap 'accessibility' ke tempat kemudahan tersebut.

6.4 Lokasi

- i. Lokasi masjid atau surau hendaklah di tengah-tengah pusat petempatan atau di pertemuan laluan utama untuk memudahkan 'accessibility' dan menjadi 'focal point' bagi kawasan pembangunan baru (Rujuk Rajah 3).

Rajah 3: Lokasi Masjid





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

- ii. Bagi sesebuah bandar baru yang mempunyai unit kejiranan yang terancang setiap masjid haruslah menjadi 'focal point' bagi sistem laluan pejalan kaki (jarak maksima 5-10 minit perjalanan).
- iii. Perletakan bangunan masjid atau surau perlulah dirancang supaya mempunyai ruang pembesaran yang mencukupi untuk menampung keperluan pertambahan penduduk masa hadapan.
- iv. Surau digalakkan disediakan di dalam kompleks perniagaan.
- v. Perletakan masjid bukan di kawasan berbukit atau curam supaya mudah dikunjungi.
- vi. Mengadakan tanda arah di tempat yang strategik dan papan tanda nama masjid dan surau yang jelas bagi memudahkan pengenalan.
- vii. Masjid yang mempunyai kawasan luas boleh menampung keperluan perkuburan penduduk mukimnya.

6.5 Rekabentuk Luaran

- i. Rekabentuk bangunan perlulah indah dan menarik dari segi estetik, vokal dan *ambience* keseluruhan.
- ii. Menara masjid atau minaret merupakan struktur binaan yang paling tinggi dan menonjol sebaiknya direkabentuk supaya dapat dilihat dari semua sudut kawasan sekitarnya.
- iii. Mengekalkan bangunan atau struktur tertentu yang mempunyai nilai-nilai sejarah serta memastikan pembesaran bangunan tambahan tidak menjelaskan reka bentuk luaran yang dikekalkan.
- iv. Ruang sembahyang, pintu masuk dan tempat mengambil wuduk perlulah diasingkan antara jemaah lelaki dan perempuan.
- v. Perletakan tandas hendaklah berasingan dari bangunan masjid dan disediakan ruang yang berasingan untuk lelaki dan perempuan.
- vi. Bangunan untuk tandas/ tempat berwuduk dibina di sisi kiri sebelah belakang bangunan utama tempat solat. Aras lantainya mestilah lebih rendah dari lantai ruang tempat solat (Rujuk Rajah 4).






**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

- vii. Pintu masuk yang mencukupi perlu disediakan di sekeliling pagar masjid.
- viii. Kedudukan arah qiblat tidak bersebelahan atau mengadap kolam oksidasi atau tempat pembuangan sampah.
- ix. Masjid yang disatukan dengan komplek perniagaan atau mana-mana bangunan hendaklah direkabentuk dengan sesuai untuk mengelakkan dari segala kacau ganggu dan dapat dilihat sebagai satu struktur tempat ibadat.

Rajah 4: Keratan rentas Susunatur Masjid



- x. Setiap rekabentuk bagi bangunan masjid/menara harus dikaitkan dengan 5 rukun Islam.
- xi. Bangunan hendaklah berwarna lembut.
- xii. Bangunan utama tempat solat harus mempunyai ketinggian yang sesuai untuk memudahkan pengudaraan (*ventilation*). Ruang solat yang bertingkat-tingkat tidak digalakkan.





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

6.6 Gunatanah Persekutaran

- i. Persekutaran masjid dan surau perlulah harmonis dengan alam sekitar. Penyediaan zon pemisah adalah perlu bagi memisahkan kawasan masjid dengan zon sekitarnya untuk tujuan menanam buni bising dan melindungi pandangan dari pelbagai aktiviti yang kurang serasi.
- ii. Sebaik-baiknya zon gunatanah di sekitar kawasan masjid ialah taman, ruang lapang, saliran atau kawasan tasik atau kawasan perumahan.
- iii. Mengintegrasikan kemudahan pendidikan terutamanya Sekolah Agama, Sekolah Menengah Agama dan Tadika bersebelahan dengan kawasan masjid.

7.0 GARIS PANDUAN KHUSUS

7.1 Perancangan Bagi Masjid Negara, Masjid Negeri dan Masjid Daerah/ Jajahan

- i. Keluasan tapak tidak dikhurasukan tetapi perlulah melebihi piawaian keluasan masjid tahap 4 dalam hirarki masjid. Keluasan masjid kategori ini ialah;
 - a. Masjid Negara – 10 hektar (Berasaskan kriteria dalam Jadual 2- masjid memerlukan ruang yang lebih luas untuk pelbagai aktiviti berkaitan dan bagi menampung penduduk yang ramai).
 - b. Masjid Negeri – 3 hingga 5 hektar
 - c. Masjid Daerah/Jajahan – 1 hingga 3 hektar
- ii. Pusat Islam, Balai Islam atau Pusat Dakwah perlu ditempatkan di kawasan bersebelahan dengan masjid. Kategori ini bagi mewujudkan penggunaan tanah yang bersepada dan bersesuaian serta selaras dengan peranan dan fungsi masjid yang sebenar.
- iii. Sesuai dengan peranan dan fungsi masjid sebagai institusi pembangunan ummah tambahan kemudahan sedia ada diperlukan untuk penggunaan berikut:
 - Pejabat imam dan bilik mesyuarat.
 - Ruang untuk pungutan zakat, cukai dan berkaitan.
 - Ruang untuk perpustakaan/pusat sumber, bilik bacaan, kaunseling dan audio-visual.





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

vii. Kemudahan Telefon Awam

- Ruang pameran
- Tadika/ sekolah sgama
- Laluan pejalan kaki
- Kawasan landskap
- Rumah anak yatim
- Restoran/Kedai Buku

7.2 Perancangan Bagi Masjid Jamek

- i. Masjid Jamek meliputi Masjid Mukim, Masjid Bandar, Masjid Kawasan Perumahan dan Masjid Kawasan Perkampungan. Walau bagaimanapun bagi kawasan tumpuan utama yang mempunyai penduduk melebihi 1,000 penduduk Islam dalam suatu kawasan tertentu perlu disediakan tempat ibadat walaupun tidak mempunyai penduduk bermukim dan tiada kemudahan tempat ibadat yang berhampiran. Kawasan tersebut termasuk;
 - Kompleks Pengajian Tinggi atau Universiti.
 - Kompleks Kem Tentera.
 - Kawasan Perindustrian.
 - Kawasan Pusat Bandar Utama.
 - Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan.
 - Kawasan Lapangan Terbang Utama.
- ii. Piawaian perancangan bagi masjid kategori ini mempunyai 3 peringkat iaitu;
 - a. Piawaian sedia ada sebagaimana diputuskan dalam Persidangan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia sebagai keperluan minimum iaitu sebuah masjid untuk 41-100 isi rumah penduduk Islam iaitu bagi menampung sekurang-kurang 41-100 Jemaah.





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

- b. Bagi kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang sederhana tinggi melibatkan kawasan kampung, taman perumahan atau pinggir bandar peruntukan minima tapak untuk bangunan masjid dan kemudahan sokongannya ialah 0.5 hektar bagi setiap 2,600 penduduk Islam. Masjid dalam kategori ini dijangka boleh menampung sehingga 1000 jemaah.
- c. Bagi kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan kawasan perbandaran, pinggir bandar atau kawasan pusat kejiranan peruntukan minima tanah seluas 1.0 hektar bagi menampung lebih daripada 1000 Jemaah atau jumlah penduduk Islam melebihi 5,000 orang.
- iii. Sesuai dengan peranan dan fungsi masjid sebagai intitusi pembangunan *ummah*, kemudahan tambahan hendaklah disediakan seperti:
 - Pejabat Kadhi, Pusat Tadika dan 'Nursery'.
 - Asrama Mini untuk Para Musafir.
 - Restoran, Kedai Buku.
 - Rumah Anak Yatim.
- iv. Kawasan perlu dilandskap dengan pemilihan pokok yang bersesuaian dan tidak menghalang struktur utama seperti menara dan kubah Masjid.

7.3 Perancangan bagi Surau/ Madrasah/ Musalla

- i. Pemakaian piauanan perancangan sedia ada sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia iaitu 1 surau untuk 40 isi rumah penduduk Islam sebagai keperluan minimum dan 1 tapak seluas 0.2 hektar bagi menampung jemaah seramai sekurang-kurangnya 200 orang atau 800 orang penduduk Islam khususnya melibatkan kawasan perbandaran, taman perumahan, perkampungan atau kawasan tumpuan orang ramai
- ii. Di antara keperluan yang perlu disediakan bagi sebuah Surau/ Madrasah/ Musalla ialah:-
 - Ruang Tempat Sembahyang.
 - Ruang Tempat Letak Kenderaan.
 - Ruang Bacaan (digalakkan mempunyai perpustakaan mini).
 - Ruang Tempat Mengambil Wuduk dan Tandas Berasingan.





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

- iii. Bagi kawasan perumahan baru di kawasan perbandaran atau pinggir bandar penyediaan kemudahan ini boleh menggunakan tapak masjid yang dicadangkan. Surau/Madrasah/Musalla ini adalah sebagai tapak sementara dan akan dinaik taraf menjadi Masjid Jamek di masa hadapan sesuai dengan pertambahan penduduk dan pertambahan kawasan perumahan di sekelilingnya.

7.4 Perancangan Bagi Bilik Ruang Sembahyang

- i. Bagi tempat-tempat tumpuan orang ramai khususnya yang melibatkan orang Islam perlu disediakan ruang untuk sembahyang sama ada berbentuk bilik sembahyang atau bangunan berasingan terutamanya bagi kawasan yang jauh daripada masjid atau surau sedia ada iaitu melibatkan kawasan berikut:-
 - Kompleks Pejabat Kerajaan.
 - Terminal Perhentian Pengangkutan Awam Termasuk Bas, Teksi dan Keretapi.
 - Stadium dan Kompleks Sukan.
 - Pasar dan Kompleks Perniagaan.
 - Hentian Lebuhraya.
 - Kawasan Perindustrian.
 - Pusat Pelancongan.
 - Lapangan Terbang.
 - Kawasan Institusi atau Pusat Latihan Awam.
 - Kompleks Pendidikan dan Sekolah-Sekolah.
 - Hospital Kerajaan.
 - Lain-lain kawasan Tumpuan Orang Ramai.
- ii. Saiz bilik sembahyang perlulah mencukupi bagi menampung ruang untuk sembahyang secara berjemaah dengan keluasan minimum 20 meter persegi dan perletakkannya hendaklah di sudut yang mudah dikunjungi.





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

8.0 PIAWAIAN PERANCANGAN

8.1 Nisbah Kepadatan

Nisbah kepadatan akan menentukan bilangan masjid dan surau yang diperlukan di sesuatu kawasan. Standard ini diperlukan untuk memastikan kemudahan sedia ada serta kemudahan yang diperlukan untuk sesuatu kawasan bagi menampung pertumbuhan penduduk masa hadapan lengkap dan mencukupi berpandukan kepada Mazhab Imam Syafie yang menjadi pegangan umat Islam di negara ini, garis panduan penyediaan kemudahan ibadat adalah seperti berikut:-

- i. Sebuah surau untuk sekurang-kurangnya 40 keluarga muslim di satu-satu kawasan.
- ii. Sebuah masjid bagi sekurang-kurangnya setiap 41-100 keluarga muslim.

8.2 Keperluan Ruang dan Anjakan Bangunan

Standard ruang akan menentukan jumlah minima keluasan tanah untuk keperluan setiap masjid dan surau. Standard keluasan ini bergantung kepada faktor-faktor berikut:-

- i. Peranan dan fungsi masjid atau surau.
- ii. Saiz minimum bangunan (kawasan binaan).
- iii. Keperluan minimum anjakan bangunan.
- iv. Keperluan minimum penyediaan tempat letak kereta.

Keperluan dan keluasan minima yang perlu disediakan adalah seperti berikut:-

- i. Sebuah masjid untuk **200 Jemaah** dengan keluasan **0.2 hektar**.
- ii. Sebuah masjid untuk **500 Jemaah** dengan keluasan **0.5 hektar**.
- iii. Sebuah masjid untuk **1000 Jemaah** dengan keluasan **1 hektar**.





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

SENARAI RUJUKAN

1. Dr. Mohammad Tajuddin Radi (1996), "The Eternal Idea Of Mosque as a Community Development Centre" seminar Al-Imara ITM, Shah Alam, Selangor
2. Faridah Adnan (1996) "Community Aspirations In The Development Of A Surau; Seminar Al-Imara, ITM, Shah Alam, Selangor
3. Technical paper No. 7 – "Planning Guideline For Muslim Place Of Worship" JPBD Semenanjung Malaysia
4. JPBD (1988) Garis Panduan/Piawaian Perancangan JPBD Semenanjung Malaysia
5. Warisan Kelantan IV "Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (1985)"
6. Prof. Dr. Hamka (1987) Tafsir Al-Azhar, Pustaka Nasional Singapura
7. A. Zain,: Manafaatkan Masjid Untuk Perpaduan" Dakwah (Dec 1984)
M.S. 14-15
8. Dasuki Ahmad, Peranan Masjid sebagai Institusi Pembangunan, Dakwah (Sept 1985) M.S. 10-11
9. Sidi Gazalba, "Masjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam" 3rd Edition (Jakarta: Pustaka Antara 1975) m.s. 108
10. Encyclopedia of Islam M.S. 275-276
11. Imam Al-Ghazali "Bimbingan Mukmin" Jilid 1-2/Al-Maktabah Al-Tijjariyyah Al-Kubro (1979)
12. Dr. W. Mohd Azam ohd. Amin (1996), Hubungan Manusia Dengan Penciptanya Secara Spatial – Kertas kerja dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pakar Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat dianjurkan oleh JPBD, Semenanjung Malaysia pada 1 hb. Julai 1996
13. Mohamed Talhah 'Idrus (1996), Hubungan Manusia Dengan Manusia Dalam Konteks Spatial – Kertas kerja dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pakar Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat dianjurkan oleh JPBD, Semenanjung Malaysia pada 1hb. Julai 1996
14. Abdullah b. Mohamed (1985) – Senibina Islam, Aplikasi di Malaysia dalam Warisan Kelantan IV, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
15. Ahmad Amin, Duha al-Islam, 3 jilid, terj. Osman Khalid Dhuha Al-Islam, 1976





**PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM
DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BIL.1348
PADA 8 SEPTEMBER 1999**

16. George Makdisi, The Rise of Colleges: Institution of Learning in Islam and The West, Edinburgh University , 1981, m.s. 9 – 35
17. Robert Hillenbrand (1994), Islamic Architecture Form, Function and Meaning, Edinburgh University Press
18. Manja Mohd. Ludin and Ahmad Sulaimi Hj. Mohd. Nor (1995), Aspek-aspek Kesenian Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.L, m.s. 27-92
19. Drs. Abdul Rochym (1983), Masjid dalam Karya Arsitektur Nasional Indonesia Angkasa Bandung
20. Bahan-bahan dari Internet di alamat <http://irlend.ioLic/-afifi/>,<http://www.hijau.my/mosque>

